

**HUBUNGAN KURSUS LATIHAN DALAMAN
(*IN-HOUSE TRAINING*) DENGAN PENINGKATAN
TAHAP PROFESIONALISME GURU: SATU KAJIAN
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH
BEAUFORT.**

SITI JUBAIDAH @ MARIAM BINTI HJ.KARIA

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2006**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI @

TAJUK : Hubungan Kursus Latihan Dalaman (*In-House Training*) dengan peningkatan tahap profesionalisme guru: Satu Kajian di sekolah-sekolah menengah daerah Beaufort.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN: 2003-2005

Saya, SITI JUBAIDAH @ MARIAM BINTI HJ.KARIA mengaku membenarkan Disertasi Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

01. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
02. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
03. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
04. TIDAK TERHAD.


Disahkan oleh

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(Penulis: SITI JUBAIDAH BINTI KARIA)

Alamat tetap:
Kg.Lupak,
Peti Surat 323,
89808 Beaufort
Sabah.

Tarikh: 25 MEI 2006


(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


(DR.SABARIAH SHARIF)

Tarikh: 25/05/06

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

**Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan
yang saya telah jelaskan sumbernya.**



SITI JUBAIDAH @ MARIAM BTE HJ KARIA
PS03- 006 (k)-057
09 DISEMBER 2005



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

HUBUNGAN KURSUS LATIHAN DALAMAN (*IN-HOUSE TRAINING*) DENGAN PENINGKATAN TAHAP PROFESIONALISME GURU: SATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH BEAUFORT

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data bagi melihat hubungan Kursus Latihan Dalaman (KLD) dengan peningkatan tahap profesionalisme guru yang telah dikategorikan kepada empat aspek iaitu membina kaedah dan strategi, melaksanakan Kurikulum Baru, sikap reflektif dalam membuat keputusan pengajaran dan membantu meningkatkan pencapaian prestasi pelajar. Berdasarkan tujuan di atas maka objektif khusus kajian ini ialah:-

i) Untuk melihat hubungan pelaksanaan KLD dengan peningkatan kemahiran guru dari aspek kaedah dan membina strategi pengajaran dan pembelajaran. ii) Untuk memastikan hubungan pelaksanaan KLD dengan kebolehan guru melaksanakan P&P berdasarkan kurikulum baru. iii) Untuk meninjau hubungan pelaksanaan KLD dengan sikap reflektif guru dalam membuat keputusan pengajaran. iv) Untuk menentukan hubungan pelaksanaan KLD dengan kebolehan guru membantu meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Instrumen tunggal kajian ini ialah set soal selidik menggunakan skala Likert 4 mata yang dibahagikan kepada 5 bahagian dengan jumlah 55 item. Seramai 127 orang responden daripada 6 buah sekolah menengah di daerah Beaufort telah terlibat dalam kajian ini yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata. Kajian ini adalah dalam bentuk penyelidikan deskriptif dengan data kuantitatif. Hasil penyelidikan adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Data yang dikuatip dianalisa dengan kaedah analisis deskriptif untuk melihat kekerapan, min, peratus profil responden dan peningkatan profesionalisme guru. Seterusnya, analisis inferensi iaitu ujian korelasi Pearson Product Moment digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah bersandar (profesionalisme guru) dan pemboleh ubah tidak bersandar (KLD). Data telah dianalisis menggunakan perisian program SPSS versi 12.0. Secara keseluruhan, analisis telah menunjukkan bahawa peningkatan profesionalisme guru dalam empat aspek yang telah ditentukan berada pada tahap tinggi (memuaskan). Ujian korelasi Pearson pula, telah menjelaskan bahawa peningkatan profesionalisme dalam setiap aspek yang telah ditentukan, mempunyai hubungan yang signifikan dengan program kursus latihan dalaman. Hasil kajian ini telah berjaya menjawab persoalan dan objektif kajian.



ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN IN-HOUSE TRAINING AND THE DEVELOPMENT OF TEACHERS' PROFESSIONALISM LEVEL: A RESEARCH AMONG SECONDARY SCHOOLS IN BEAUFORT.

The purpose of this research is to collect data to identify the relationship between In-House Training and the development of teachers' professionalism level, in which has been categorized into four aspects: Construct way and strategy, to implement the new curriculum, the reflectiveness of decision making in teaching and to help students to improve their performance. Thus, the main objectives of this research are as follow:-

- i) To identify the relationship of In-House Training to the development of teachers' instructional skills and strategies.*
- ii) To determine the implementation of In-House Training and teachers' ability to develop and implement curriculum.*
- iii) To examine the relationship of In-House Training implementation and teachers' reflectiveness of decision making in teaching.*
- iv) To determine the relationship of In-House Training implementation and teachers' ability to improve students' academic achievement.*

A set of questionnaires based on Likert Scale 4 points in 5 categories with 55 items was the only instrument used in this research.

A total of 127 respondents from six schools in Beaufort were involved in this research which were chosen based on strata random sampling method. This study was conducted in form of descriptive research with quantitative data. The findings were to answer both the matters and the objectives of this research.

Descriptive analysis was made to obtain the mean, percentage and the frequency of the respondents' profiles and also the development of teachers' professionalism level.

Whereas the inference analysis (Correlation Pearson Product Moment) is used to test the relationship between the Dependent Variable (Teachers' Professionalism) and the Independent Variable (In-House Training). The analysis was made using SPSS version 12.0.

Overall, the descriptive analysis showed the development of teachers' professionalism level in all aspects were average in level. Meanwhile the correlation Pearson test showed the professionalism development in every aspect was significantly related to the In-House Training. Of course, this research managed to solve matters as well as to fulfill the objectives of the research itself.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Pengasih

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana memberikan hidayah dan kekuatan kepada pengkaji untuk menyempurnakan kajian ilmiah ini. Dalam usaha menyiapkan kajian ini, sesungguhnya pengkaji banyak mendapat pertolongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Dalam ruang yang terhad ini pertama sekali pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pn.Rosy Talin selaku penyelia kepada pengkaji. Beliau dengan penuh daya usaha cuba membimbang dan memberikan tunjuk ajar sehingga pengkaji benar-benar memahami dan menguasai arah tuju semasa menyempurnakan kajian ini. Segala teguran dan nasihat yang diberikan oleh beliau sesungguhnya dijadikan sebagai landasan utama pengkaji dan pengkaji sebenar-benarnya rasa sungguh bertuah kerana berada di bawah seliaan beliau.

Pengkaji juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Sabariah Mohd Sharif, Prof. Madya Dr.Vincent Pang atas segala nasihat berhubungan dengan kajian ini. Tidak lupa juga semua pensyarah yang pernah membimbang dan memberi tunjuk ajar semasa pengajian. Segala ilmu yang diperolehi daripada mereka amat pengkaji hargai. Semoga mereka sentiasa mendapat keberkatan daripada Nya.

Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah atas kelulusan yang diberikan semasa pengkaji menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang dijadikan sampel. Seterusnya kepada semua pengetua, penolong kanan dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Tanpa kerjasama anda kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Yayasan Sabah, Maktab Perguruan Gaya dan Bahagian Perancangan, Perpustakaan Negeri Sabah dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) atas kerja sama serta timbang rasa yang diberikan sepanjang pengkaji menggunakan kemudahan yang ada.

Pengkaji juga merakamkan rasa terharu dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama memberikan dorongan dan suntikan semangat semasa menghadapi saat-saat sukar semasa menyiapkan kajian.

Penghargaan yang cukup istimewa adalah buat suami tersayang, Yasri Hj. Junaidi atas sikap memahami, simpati dan kasih sayang yang ditunjukkan semasa pengkaji menyiapkan tugas ini. Juga kepada anak-anak pengkaji Ain Nazura, Ain Zahara, Ain Thuraiya dan Adam Safwan yang begitu memahami dan tidak menimbulkan masalah dan memudahkan pengkaji sehingga pengkaji berjaya menyiapkan tugas tanpa mengalami sebarang masalah.



ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL/RAJAH	iv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1. Latar Belakang	1
1.2. Kursus Latihan Dalaman	2
1.3. Pernyataan Masalah	5
1.4. Persoalan Kajian	7
1.5. Tujuan Kajian	8
1.6. Objektif Kajian	8
1.7. Definisi Operasional	8
1.7.1. Kursus Latihan Dalaman (KLD)	9
1.7.2. Profesionalisme Guru	9
1.7.3 Peningkatan profesionalisme	10
1.7.4 Membangunkan kemahiran	10
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Signifikan Kajian	12
Kesimpulan	13

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1.	Pengenalan	14
2.2.	Konsep Latihan Dalaman Sebahagian Daripada Aktiviti Program Pembangunan Staf	15
	2.2.1 Program Perkembangan Staf	15
	2.2.2 Sebab-sebab Untuk Diadakan Program Perkembangan Staf	16
	2.2.3 Matlamat latihan dalaman	17
	2.2.4 Kelebihan Kursus Latihan Dalaman	17
	2.2.5 Kursus Latihan Dalaman Berasaskan Prinsip-Prinsip Pembelajaran Dewasa	19
	2.2.6. Ciri-ciri Program Latihan Yang Berkesan	21
2.3.	Profesionalisme Guru	24
	2.3.1 Kemahiran Guru Dalam Membina Kaedah dan Strategi Mengajar	24
	2.3.2 Kebolehan guru untuk membangunkan dan Melaksanakan Kurikulum Baru	28
	2.3.3 Membina kebolehan Guru Bersikap Reflektif Dalam Membuat Keputusan Pengajaran	30
	2.3.4 Membantu Meningkatkan Prestasi Pelajar	32

2.4.	Isu-isu Hubungan Latihan Dalaman Dengan Profesionalisme Guru	35
2.5.	Alternatif Model Latihan Dalaman	38
2.5.1	Model Latihan Kemahiran	38
2.5.2	Model Penyeliaan Klinikal (<i>Clinical-Supervision Model</i>)	40
2.5.3	Model Kemahiran Penyampai (<i>Expert-Presenter Model</i>)	41
2.5.4	Model Kajian Tindakan	42
2.5.5	Model Pembangunan Organisasi (<i>The Organization Development Model</i>)	44
2.5.6	Model Proses Perubahan (<i>The Change-Process</i>)	45
2.6.	Kajian Lepas	47
2.6.1	Kajian Dalam Negara	47
2.6.2	Kajian Luar Negara	50
2.6.2.1	Kajian hubungan Program Perkembangan staf dalam Aspek kaedah dan strategi Pengajaran dan pembelajaran	50
2.6.2.2	Kajian Hubungan Kursus Latihan Dengan Kebolehan Guru Melaksanakan Kurikulum Baru	53
2.6.2.3	Kajian hubungan kursus latihan dengan Model refleksi guru	53
2.6.2.4	Kajian hubungan Program pembangunan Staf dengan Pencapaian Pelajar	54

2.7. Model Kajian	55
2.7.1 Kerangka Konseptual kajian	58
Kesimpulan	59

BAB 3: METOGOLOGI

3.1 Pengenalan	60
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.2.1 Kaedah Perpustakaan	61
3.2.1 Kaedah Tinjauan	61
3.3 Persampelan	63
3.3.1 Lokasi, Populasi dan Responden Kajian	63
3.3.2 Instrumen Kajian	65
3.3.3 Pentadbiran Soal-Selidik	67
3.3.4 Tempoh Soal-Selidik	70
3.4 Pembolehubah Kajian	70
3.5 Tatacara kajian	71
3.5.1 Perancangan Awal	771
3.5.2 Memohon Kebenaran	72
3.5.3 Penentuan Tarikh	72
3.5.4 Kajian Rintis	72
3.5.5 Menjalankan Kajian	75
3.6 Teknik Pemungutan Data	74

3.7	Penganalisan Data	74
3.8	Analisis Kebolehpercayaan	76
3.9	Kesimpulan	78

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	79
4.2	Analisis Persampelan	80
4.2.1	Responden Mengikut Sekolah	80
4.2.2	Responden Mengikut Jantina	81
4.2.3	Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	82
4.2.4	Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas Tertinggi	83
4.2.5	Responden Mengikut Kelayakan Akademik	84
4.2.6	Kekerapan Responden Menyertai Kursus Latihan Dalaman	85
4.3	Analisis Penemuan Kajian	87
4.3.1	Analisis Maklumat Kursus Latihan Dalaman (KLD)	88
4.3.2	Analisis Peningkatan profesionalisme dari aspek Membangunkan Kemahiran Membina Kaedah dan Strategi Mengajar	90
4.3.3	Analisis Peningkatan Profesionalisme dari aspek Membina kebolehan Guru Membangunkan dan Melaksanakan Kurikulum Baru	92

4.3.4 Analisis Maklumat Peningkatan Profesionalisme dari aspek KLD Memupuk Sikap Reflektif Dalam Membuat Keputusan Pengajaran	93
4.3.5 Analisis Peningkatan Profesionalisme dalam aspek Membantu Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar	96
4.4 Analisis Korelasi Kursus Latihan Dalaman dengan Peningkatan Tahap Profesionalisme Guru	97
4.4.1 Aspek Membangunkan Kemahiran Membina Kaedah dan Strategi Mengajar.	98
4.4.2 Aspek Membina Kemahiran Membangunkan dan Melaksanakan Kurikulum	99
4.4.3 Aspek Memupuk Sikap Reflektif Dalam Membuat Keputusan Pengajaran	100
4.4.4 Aspek Membantu Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar	101
Kesimpulan	101
BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	102
5.2 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	103
5.2.1 Profil respondan	103
5.2.2 Hubungan pelaksanaan Kursus Latihan Dalaman dengan Peningkatan Kemahiran Membina Kaedah dan Strategi Mengajar.	107



5.2.3 Hubungan antara Kursus Latihan Dalaman dengan kebolehan Guru Membangun dan Melaksanakan Kurikulum Baru	110
5.2.4 Hubungan Kursus Latihan Dalaman dengan Sikap Reflektif Dalam Membuat Keputusan Pengajaran.	111
5.2.5 Hubungan Kursus Latihan Dalaman dengan Peningkatan Profesionalisme Aspek Membangunkan Kemahiran Guru Dalam Membantu Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar.	116
5.3 Rumusan Dapatan Kajian	120
5.4 Cadangan Untuk Meningkatkan Kualiti Kursus	
Latihan Dalaman	125
5.5 Cadangan Skop Kajian Akan Datang	128
Kesimpulan	128
Bibliografi	129
Lampiran A - Set Soal- Selidik	
Lampiran B1- Kebenaran EPRD	
Lampiran B2- Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Sabah	
Lampiran B3- Surat Permohonan Membuat Rujukan	

SENARAI JADUAL/ RAJAH

Jadual / Rajah	Muka surat
Rajah 2.1 : Kerangka Konseptual Kajian	58
Jadual 3.1 : Jumlah responden Mengikut Sekolah	64
Jadual 3.2 : Taksiran Tahap Peningkatan	75
Jadual 3.3 : Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah	76
Jadual 3.4 : Analisis Kebolehpercayaan Kajian	77
Jadual 4.1: Responden Mengikut Sekolah	80
Jadual 4.2: Responden Mengikut Jantina	81
Jadual 4.3: Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	82
Jadual 4.4: Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	83
Jadual 4.5: Responden Mengikut Kelayakan Akademik	84
Jadual 4.6: Responden Mengikut Kekerapan Menghadiri Kursus	85
Jadual 4.7: Taksiran Tahap Peningkatan	87
Jadual 4.8: Analisis Dapatan Maklumat Kursus Latihan Dalaman (KLD)	88
Jadual 4.9: Purata Min dan Sisihan Piawai	
Maklumat Kursus Latihan Dalaman	89
Jadual 4.10 : Analisis Dapatan Aspek Membangunkan kemahiran Membina Kaedah Dan Strategi Mengajar.	90

Jadual 4.11 Analisis Deskriktif Aspek Membina Strategi dan Kaedah Mengajar 91

Jadual 4.12: Analisis Dapatan Aspek Membangunkan Dan Melaksanakan

Kurikulum Baru.	92
-----------------	----

Jadual 4.13: Analisis Keseluruhan Min dan Sisihan Piawai Aspek

Membangunkan Dan Melaksanakan Kurikulum.	93
--	----

Jadual 4.14: Analisis Dapatan Aspek Memupuk Sikap Reflektif Dalam

Membuat Keputusan Pengajaran	93
------------------------------	----

Jadual 4.15 : Min Keseluruhan Dan Sisihan Piawai Aspek Memupuk

Sikap Reflektif Dalam Membuat Keputusan Pengajaran	95
--	----

Jadual 4.16: Analisis Dapatan Peningkatan Profesionalisme Dalam Aspek

Membantu Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar	96
---	----

Jadual 4.17: Min dan Sisihan Piawai keseluruhan aspek membantu

Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar	97
--	----

Jadual 4.18: Korelasi Pearson Hubungan KLD Dengan

Kaedah dan Strategi Mengajar	98
------------------------------	----

Jadual 4.19: Korelasi Pearson Antara KLD Dengan Kemahiran

Membangunkan dan Melaksanakan Kurikulum Baru	99
--	----

Jadual 4.20 : Korelasi Pearson Antara KLD dengan Sikap Reflektif

Dalam Membuat Keputusan Pengajaran	100
------------------------------------	-----

Jadual 4.21: Korelasi Pearson Antara KLD Kebolehan Guru Membantu

Meningkatkan Pencapaian Prestasi Pelajar	101
--	-----



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Guru perlu meningkatkan profesionalisme demi mengekalkan martabat mereka sendiri. Pihak Kementerian Pelajaran sentiasa, berusaha untuk mempertingkatkan martabat profesi perguruan. Banyak pihak yang menyedari bahawa guru memainkan peranan utama dalam melahirkan generasi yang akan merealisasikan Wawasan 2020. Untuk melaksanakan peranan ini, sudah tentu guru-guru perlu didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan khususnya dalam profesionalisme mereka. Guru-guru perlu memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan sejajar dengan pelbagai perubahan dalam bidang pendidikan, contohnya terminologi baru, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terkini, penggunaan komputer dalam pendidikan dan pelbagai lagi.

Mutakhir ini, bermula sejak tahun 2000, Kementerian Pendidikan di bawah unit Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) sedang giat melaksanakan Kursus Jangka Pendek terhadap guru-guru sebagai rentetan daripada semakan semula kurikulum Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Semakan semula kurikulum ini adalah menyeluruh meliputi aspek sukanan semua mata pelajaran daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pusat Perkembangan Kurikulum telah memasukkan dan menambah beberapa unsur baru, seterusnya memperkenalkan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran baru, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, serta

pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PSMI). Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum baru telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dimulakan pada tahun 2002.

Pada peringkat awal, beberapa kumpulan guru telah dipanggil untuk menyertai kursus-kursus peringkat awal oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah. Kumpulan guru ini diharapkan dapat menjalankan tugas sebagai agen, dengan menyebarkan maklumat mengenai perubahan kurikulum kepada guru-guru lain di sekolah tempat mereka bertugas. Di samping itu, untuk membantu guru memahami dan mengamalkan strategi tersebut, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menghasilkan pelbagai alat sokongan kurikulum yang terdiri daripada pelbagai modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan buku penerangan am berkenaan pengurusan dan pelaksanaan dalam kurikulum. Kaedah ini dilaksanakan untuk mempercepatkan penyebaran maklumat mengenai kandungan sukanan semua mata pelajaran, seterusnya memudahkan guru menjalankan sesi pengajaran berdasarkan sukanan dan kaedah baru.

1.2 Kursus Latihan Dalaman

Kursus Latihan Dalaman (KLD) berasaskan sekolah atau *in-house training* merupakan lanjutan daripada kursus-kursus latihan anjuran kementerian yang dijalankan di luar sekolah. Guru-guru yang telah dipanggil menghadiri kursus semakan kurikulum samada peringkat kebangsaan, negeri atau daerah dikehendaki untuk mengadakan kursus yang sama pada peringkat sekolah. Guru tersebut dikehendaki menyampaikan semua maklumat yang telah diperolehnya semasa kursus peringkat luar sekolah kepada semua peserta (guru) semasa sesi kursus dalaman dijalankan, supaya guru-guru lain dalam sekolah yang sama mendapat maklumat terkini berkaitan pengendalian

kurikulum baru untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Abdullah Sani Yahya, 2003). Kursus latihan dalaman yang dijalankan di sekolah terdiri daripada dua sesi iaitu:-

- a) Sesi umum
- b) Sesi Khusus

Sesi umum akan memberikan pendedahan mengenai kaedah dan pendekatan pengajaran baru dan juga pendedahan pengetahuan mengenai teknik pengajaran berasaskan ICT. Dalam sesi ini semua guru menyertai sesi kursus secara serentak kerana maklumat ini perlu untuk membina kemahiran guru dari segi teknikal dan teori-teori pengajaran. Guru-guru akan dibekalkan dengan risalah atau "*hand out*" untuk meneguhkan kefahaman terhadap isi kandungan pakej kurikulum baru.

Sesi khusus pula merujuk kepada penyertaan guru dalam sesi latihan dalam bidang atau subjek (mata pelajaran yang diajar) masing-masing. Sesi ini akan memberikan pendedahan secara terperinci mengenai perubahan sukatan mata pelajaran iaitu elemen-elemen yang telah digugurkan dan unsur yang baru atau ditambah serta kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai digunakan. Guru-guru juga akan dibimbing dalam aspek penulisan sukatan pelajaran harian, mencari sumber (bahan pengajaran) melalui internet, serta panduan menggunakan bahan-bahan pengajaran yang dibekalkan oleh PPK. Biasanya dalam sesi khusus akan diadakan bengkel untuk memastikan guru-guru benar-benar menguasai isi kandungan yang disampaikan.

Aktiviti tersebut, selaras dengan kenyataan Maimunah (1999) bahawa Program latihan dalaman berasaskan sekolah merupakan aktiviti-aktiviti organisasi yang dicipta untuk mengubah guru-guru melalui proses pembelajaran agar mereka boleh melakukan kerja dengan cekap.

Selain itu, menurut Rohayah dan Siti Jaleha (2003) ia merupakan fungsi yang berterusan kerana guru-guru perlu pendedahan bantuan atau latihan semula apabila terdapat peralatan teknologi baru, prosedur dan idea serta teknik-teknik kemahiran baru diperkenalkan dan berlaku perubahan dalam undang-undang. Seterusnya, mengikut Mohd.Sani Ibrahim (1998) kursus latihan dalaman dapat menggalakkan perkembangan serta kecekapan guru, menggalakkan pelaksanaan program untuk meningkatkan prestasi guru bagi memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, dan meningkatkan keberkesanan sekolah bagi mewujudkan sekolah sebagai organisasi berteraskan kebolehan guru.

Bagi mendapatkan kesan yang optima, menurut Santhi Raghavan (1998) program latihan dalaman perlu dirancang untuk memberikan peluang kepada guru-guru yang mengikuti program tersebut mendapat pendedahan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing. Hal ini kerana tujuan utama program latihan dalaman adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada mendedahkan pengetahuan baru kepada peserta latihan dalaman juga dapat memberikan semangat baru serta dapat melahirkan kakitangan sumber yang cekap dan berkesan (Asariah Mior Shahruddin, 1991). Oleh yang demikian, kurikulum program latihan dalaman haruslah memberikan keutamaan dalam bidang kaedah pengajaran dan pembelajaran, teknologi maklumat dan pembinaan serta pelaksanaan kurikulum (Mohd Yunus Ibrahim, 1999).

Majlis Pembangunan Sumber Manusia melalui Pekeliling Majikan Bil 5/1996 juga telah menyebut sebarang latihan yang dianjurkan oleh mana-mana organisasi yang tempoh latihannya sehari selama 4 jam dan kurang dianggap sebagai latihan dalaman (*In-house Training*).

Kesimpulannya, kursus latihan dalaman adalah lanjutan daripada kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian Pendidikan di luar sekolah. Walaupun terdapat beberapa perbezaan pengendalian antara dua kategori kursus ini terutama dari segi tempoh masa dan penyampaian, namun dari segi isi kandungan penganjur program seboleh-bolehnya akan menyampaikan semula semua input yang diperolehi daripada kursus yang diadakan diluar sekolah untuk menjamin ketepatan dan sebaran maklumat terkini yang diperlukan oleh semua guru.

1.3 Pernyataan Masalah

Konsep asal kementerian mengarahkan setiap guru yang telah menghadiri kursus di luar sekolah agar melaksanakan kursus latihan peringkat sekolah adalah untuk mempercepatkan proses penyebaran dan kefahaman guru-guru mengenai kandungan kurikulum baru. Namun, proses penyebaran iaitu pelaksanaan pada peringkat sekolah masih boleh dikaji semula keberkesanannya.

Beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan, meskipun setiap tahun kebanyakan organisasi telah memperuntukkan sejumlah wang dan masa yang banyak bagi mengendalikan program latihan dalaman, tetapi keberkesanan latihan dalaman masih dianggap belum mencapai tahap yang membanggakan. Misalnya, berdasarkan kajian Hamzah Hussin (1995) ramai guru di daerah Temerloh Pahang kurang mendapat pendedahan terbaru dalam bidang pendidikan walaupun telah menyertai kursus dalam perkhidmatan. Oleh itu, beliau telah mencadangkan agar program latihan peringkat sekolah perlu diadakan lebih kerap. Seterusnya Abdul Wahab Hashim (1995) telah mengenal pasti bahawa kebanyakan kursus yang dijalankan lebih cenderung menekankan ilmu, tetapi kurang memberi pendedahan

terhadap perubahan sikap, sedangkan sesuatu perubahan memerlukan 10 peratus maklumat dan selebihnya 90 peratus adalah perubahan sikap. Jurulatih lebih cenderung menggunakan kuliah sedangkan bahagian dalam kursus tersebut memerlukan latihan amali.

Hasil kajian Khoo Teng Seng (1997) juga mendedahkan bahawa walaupun didapati guru-guru berjaya melalui latihan dengan baik tetapi ada guru-guru yang gagal untuk memindahkannya dalam suasana dan amalan di bilik darjah. Pada tahun berikutnya Hassan Che Ling (1998) telah mencadangkan supaya pihak pengurusan latihan memantapkan kurikulum kursus agar latihan yang dijalankan dapat memberikan impak kepada peserta kursus kerana kurikulum kursus yang longgar akan menjadi penyebab guru-guru mengamalkan sikap negatif terhadap bidang tugas dan akhirnya kembali kepada pendekatan lama.

Seterusnya, Mohd Yunus Ibrahim (1999) telah mencadangkan agar diadakan satu kajian kesan latihan dalaman kepada guru-guru bagi suatu tempat tertentu, kerana kajian beliau mendapati kesan latihan dalaman terhadap kefahaman kandungan dan aplikasi masih ditahap sederhana.

Hasil kajian Abdul Rashid (2002) mendapati bahawa guru-guru kurang mempraktikkan ilmu yang diperolehi daripada program perkembangan staf yang telah disertai dalam proses pengajaran dalam kelas. Pada tahun yang sama Noraini Azman dan Mohd Sani Ibrahim (2002) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, juga mendapati bahawa kursus latihan dalaman masih sederhana keberkesanannya terhadap keyakinan guru-guru dalam melaksanakan kurikulum bestari di sekolah. Oleh itu, mereka telah mencadangkan kurikulum setiap latihan digubal secara berhati-hati.

Rohaya Omar & Jaleha Abu Bakar (2003) juga mendapati kesan kursus latihan dalaman terhadap pengekalan sikap guru juga masih ditahap sedarhana. Seterusnya Norhayati (2004) telah mendapati walaupun pelaksanaan program latihan dalam perkhidmatan membawa implikasi positif terhadap personel dan profesionalisme guru, namun sebilangan peserta kursus dalam perkhidmatan masih tidak berpuas hati dengan dengan keberkesanan penyampaian jurulatih yang seterusnya menjelaskan kualiti pengetahuan yang disampaikan. Hal ini sudah pasti menjelaskan input yang sepatutnya diperolehi oleh peserta. Secara keseluruhannya, dapatan daripada pengkaji terdahulu memberi petunjuk bahawa sebarang program latihan perkembangan staf di sekolah belum dapat memberi sumbangan yang maksima dalam meningkatkan profesionalisme guru.

Berdasarkan masalah yang dinyatakan oleh pengkaji terdahulu dan respon kepada cadangan Mohd. Yunus Ibrahim (1999) maka pengkaji ingin tahu adakah masalah yang dinyatakan di atas berlaku kepada guru-guru di sekolah menengah di daerah yang dikaji setelah mereka menyertai kursus latihan dalaman peringkat sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian yang berikut diharap akan dapat dijawab melalui kajian ini:-

- i) Adakah wujud hubungan pelaksanaan KLD dengan peningkatan kemahiran guru dari aspek kaedah dan membina strategi pengajaran dan pembelajaran?
- ii) Adakah wujud hubungan pelaksanaan KLD dengan kebolehan guru membangun dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum baru?

- iii) Adakah wujud hubungan pelaksanaan kursus latihan dalaman dengan sikap reflektif guru dalam membuat keputusan pengajaran?
- iv) Adakah wujud hubungan pelaksanaan KLD dengan prestasi pencapaian pelajar?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan tujuan mengumpulkan data dan maklumat bagi menjawab semua persoalan kajian samada wujud hubungan pelaksanaan Program Kursus Latihan Dalaman (KLD) peringkat sekolah dengan peningkatan profesionalisme guru yang dilihat dalam empat aspek iaitu kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran (p&p), membantu meningkatkan pencapaian prestasi pelajar, membangun dan melaksanakan kurikulum baru serta sikap reflektif dalam membuat keputusan pengajaran.

1.6 Objektif

Berdasarkan tujuan di atas, maka objektif khusus kajian ini ialah:-

- i) Untuk melihat hubungan pelaksanaan KLD dengan peningkatan kemahiran guru dari aspek kaedah dan membina strategi pengajaran dan pembelajaran.
- ii) Untuk mempastikan hubungan pelaksanaan KLD dengan kebolehan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum baru .
- iii) Untuk meninjau hubungan pelaksanaan KLD dengan sikap reflektif guru dalam membuat keputusan pengajaran.
- iv) Untuk menentukan hubungan pelaksanaan KLD dengan kebolehan guru membantu meningkatkan prestasi pencapaian pelajar.

1.7 Definisi Operasional

Istilah-istilah berikut yang menjadi teras kepada kajian ini didefinisikan secara operasional.

1.7.1 Kursus Latihan Dalaman (KLD)

Dalam konteks kajian ini, kursus latihan dalaman merujuk kepada program perkembangan staff yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan dijalankan samada di luar dalam atau di luar sekolah. Pesertanya terdiri daripada guru-guru sekolah itu sendiri. Jurulatih yang mengendalikan setiap sesi dalam program kursus latihan dalaman itu, terdiri daripada kalangan guru-guru sekolah tersebut yang telah menghadiri kursus kelolaan Kementerian Pelajaran peringkat kebangsaan, negeri atau daerah. Kursus latihan dalaman dalam konteks kajian ini selaras dengan pengertian yang dinyatakan oleh Elisabeth (2004) bahawa kursus latihan dalaman merupakan pelatihan guru peringkat sekolah untuk meningkatkan kefahaman seluruh warga sekolah tentang kurikulum dan implementasinya untuk meningkatkan kemampuan guru dalam mengembangkan sukanan, rancangan pelajaran dan penilaian.

1.7.2 Profesionalisme Guru

Dalam konteks kajian ini profesionalisme guru merujuk kepada penguasaan pedagogi dan metodologi pengajaran dan pembelajaran iaitu kebolehan dari aspek membina kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran, kebolehan dalam melaksanakan dan membangunkan kurikulum baru, sikap reflektif dalam membuat keputusan pengajaran dan kebolehan membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Kursus Latihan Dalaman menyediakan peluang kepada guru-guru mengambil mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang memberikan peluang untuk

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Selamat, 1991. *Pengurusan latihan: Satu Pengenalan*. Jurnal Guru, keluaran 3. p167-171.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, 2002. *Persepsi Guru Terhadap Program Perkembangan Staf: Kajian Kes di Dua Buah Sekolah Menengah Daerah Tampin*. Projek Penyelidikan Tesis Sarjana Pendidikan. UKM Bangi
- Abdul Razak Husin, 1997. *Keberkesanan Pengurusan Latihan Dalaman di Sekolah Menengah Dalam Daerah Padang Terap, Pendang Kedah*. Tesis Sarjana . Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Wahab Hashim, 1995. *Strategi Pembangunan Staf Profesional Dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Buletin Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru ke 10. Skudai Fakulti Pendidikan UTM. Hal 1-18.
- Abdullah Sani Yahaya, 2003. *Mengurus Sekolah. Pahang*. PTS Publications &Distributor Sdn.Bhd.
- Abu Bakar Nordin, 1991. *Kurikulum: Perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Mohd. Salleh, 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sendirian Berhad.
- Al.Ramaiah, 1999. *Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini*. Selangor: IBS Buku.
- Alias Baba, 1992: *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: UKM.
- Aria Djilil, 1989. *The Impact of a Research-Based Teacher Training Program On Indonesians Teachers, Classrooms, and Student*. Journal Of Teaching & Teacher Education, Vol 5, No.3 . Great Britain:Pergamon Press. hlm: 165-178.
- Asariah Mior Shahruddin, 1991. *Program Pengesahan Kursus Dalam Perkhidmatan*. Jurnal Pendidikan Guru . Nombor 7, Bil 2 . Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bedeian, G.A, 1986. *Management*. United State: CBS College Publications ; The Dryden Press
- Blanford , S, 1994. *Mengurus Pembelajaran Profesional di sekolah* (terjemahan Munirah Mustaffa) Kuala Lumpur: Isntitut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

- Burnham, J.S dan O'Sullivan, F, 2004. *Mengembangkan profesionalisme di sekolah.* (Terjemahan Hamidah Baba). Kuala Lumpur: Isntitut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Butler, J. A (2005). *Staff Development. Regional Education Laboratory.* (atas talian) [Http://www.nwrel.org/scpd/Sirs/6/cu12.html](http://www.nwrel.org/scpd/Sirs/6/cu12.html). Dicetak: 28.01.2005. Hlm: 1-29
- Calderhead, J dan Gates, P, 1993. *Conseptualizing Reflection in Teacher Development.* London: The Falmer Press.
- Carr, C.B & Burnham, J.W, 1999. *Pembelajaran Berkesan di Sekolah: Bagaimana menyatupadukan Pembelajaran dan Kepemimpinan Untuk menghasilkan Sekolah yang Berjaya.* (Terjemahan) . Kuala Lumpur:Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- CSP HOME, 1998. *Staff Development and Student Achievement: Making Connection in Georgia Schools.* (atas talian) [Http://www.CSP](http://www.CSP). Dicetak 29.08.2005.
- Ee Ah Meng, 1997. *Pedagogi 1: Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah.* Shah Alam : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Eleser,C.B dan Chauvin, S.W, 1998. *Professional Development How To's Strategies for Surveying Faculty Preferences.* Human Science Press Inc.
- Elisabeth, 2005. In House Training. (atas talian) [Http://www.mydepok.com/iht1.htm](http://www.mydepok.com/iht1.htm). Dicetak: 17.02.2005.
- Fallon,R.A , Blackwell, S, Ewing, S.C, Weis, T, & Wilkinson,D.L (1992). *Effective Staff Development Begins With Envisioning Better Schooling.* Contemporary Education. Vol 63, No.4.
- Gall,M. D & Votjek,R.O, 1994. *Planning For Effective Staff Development Six Research-Base Models.* Washinton DC: ERIC Clearinghouse On Educationnal Management,Eugene,Oreg. ERIC NO: 372462
- Garcia, A.F; Fernando F & Gallegos, L , (2005). *The National in-service for science teachers and their effect on educational reform in Mexico.* Journal of Education for Teaching. Vol.31,No.1. Mexico: Routledge: Taylor & Francis Group
- Garet, M.S & Proter,A.C&Desimone, L & Birman,B.F & Yoon,K.S. 2001. *What Makes Profesional Development Effective? Results From National Sample Of Teachers.* American Educational Research Journal, Vol 38,No.4. p 915-945.

Griffin, G. 1983. *Introduction : The Work of Staff development. Staff Development, Eighty-second Yearbook of National Society For The Study Of Education.* Chicago: University Press.

Guskey, T.R & Sparks, D (1996). *Exploring Between Staff Development and Improvements in Student Learning.* Journal Of Staff Development, Vol 17.No. 4. NationalStaffDevelopmentCouncil. (atas talian)
[Http://www.nsdc.orglibrarypublicationsdf_gusky.cfm](http://www.nsdc.orglibrarypublicationsdf_gusky.cfm). Dicetak: 23.01.2005

Hamzah Hussin, 1995. *Satu Kajian mengenai persepsi, keberkesanannya dan keperluan di kalangan guru-guru sekolah Menengah daerah Temerloh Pahang.* Tesis Master. Universiti Utara Malaysia.

Hassan Che Ling (1998). *Persepsi Guru-Guru Kemahiran Hidup Terhadap Kesan Latihan Dalam Perkhidmatan.* Tinjauan di SMK Hulu Langat. Tesis M.Sc. Sarjana Pendidikan. Selangor:UPM

Hopkin, D, 2005. *Instructional leadership and school improvement.* National College for School Leadership (NCSL).
[Http://www.nscl.org.ukmediastroneimage2kpoolevidance.hopkin.pdf](http://www.nscl.org.ukmediastroneimage2kpoolevidance.hopkin.pdf). Dicetak 23.01.2005.

Hulum, J. 2005. *Why dont teachers value the important of staff development?* ([Http://www.whydontteachervalue.htm](http://www.whydontteachervalue.htm)).p1-14. Dicetak 22.08.2005.

Hussein Ahmad, 1991. *Perkembangan staf sekolah: Bentuk dan cabaran pelaksanaannya.* Jurnal Pengurusan Pendidikan 1(2) . Hal: 2-9.

Hussin Ahmad, 1991. *Keberkesanannya Penyediaan Guru KBSR dan Aktiviti-Aktiviti Meningkatkan Profesionalisme Mereka.* Jurnal Guru, keluaran 3. p144-165.

Hargreaves,A dan Goodson I.F, 1996. *Teachers' Profesionalisme Lives.* London: A Falmer Press.

Johnson, M. A dan Johnson G.A, 1998. *The Insiders: Development in School With Colleagues Can Succeed.* Journal Of Staff Development, Vol 20 No.4.
[Http://www.educationminnesota.org/index.cfm](http://www.educationminnesota.org/index.cfm) . ID 1221. Dicetak 23.01.2005.

Johnson, S dan Monk, M, 2000. *Teacher Development and Change in South Africa: A Critique of The Appropriateness of Transfer of Northern/Western Practice.* UK: Carfax Publishing: Taylor and Francis Group. hlm: 179-190.

Karen, C.K, 1999. *Collaborative Technology Development: A Staff Development Model for Integrating Computers into School Curriculum.* ERIC.432 249 p 1-7. Ltd. p: 37-46.

Pusat Perkembangan Kurikulum,2002. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. KBSM* . Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/ 1987* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khoo Teng Seng, 1997. *Persepsi Guru-guru dan Pentadbir Sekolah Rendah Tentang Keperluan Latihan Dalam Perkhidmatan: Satu Kajian di Daerah Larut Matang, Perak*. Tesis Master (Msc.Mgmt). Universiti Utara Malaysia.

Lee Lai Guan,Abdul Syukur Ahmad Shagir, Ku Bahaudin Ku Hashim & Zuber Hassan, 1999. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum KDP 14 Minggu Latihan Guru Bestari*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPDA. Jilid 2. Kedah: IPDA Hal:1-11.

Loughran,J.J, 1996. *Developing Reflective Practice*. Washington D.C: Falmer Press.

Maimunah Aminuddin, 1995. *Panduan Pengurusan Personel*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd. (Terjemahan Noryati Ahmad & Wan Ainun Zarina Wan Ahmad Radzi).

Mohd Salleh Lebar, 1996. *Perkembangan dan Haluan Kurikulum*. Berita Publishing

Mohd. Yunus Ibrahim, 1999. *Keberkesanan Model RPTIM Dalam Pengurusan Latihan Dalaman: Satu Kajian Kes Di SMK Sultan Abdul Azizz Shah*. Kajang Selangor. UKM Bangi. Tesis Master

Mohd. Majid Konting, 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd.Radzi Abdul Jabar, 1995. *Pengurusan Latihan Dalaman di Sek. Menengah di Negeri Perak*. UKM Bangi. Tesis Phd.

Mohd.Salleh Abu dan Zaidatul Tahir , 2001 . *Pengenalan kepada Analisis Data/Berkomputer SPSS10.0. For Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Mohd.Sani Ibrahim, 1998. *Perancangan Dan Strategi Perancangan Latihan Dalaman Guru-Guru Sekolah Bestari*. Kertas Kerja Semiar Isu-isu Pendidikan Negara. 26-27 November. UKM Bangi.

Mohd.Zahedi Daud dan Ismail Ibrahim, 2004. *Gaya UMS: Panduan Penulisan Ilmiah*. Pusat Pengajian Pascasiswazah. Universiti Malaysia Sabah.

Mukhtar Abdul Rani , 2002. *Program Latihan Dalaman Sekolah . Satu Kajian Di Kalangan Guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Daerah Jelebu Negeri Sembilan*. UKM: Tesis Master.

Mumtaz Begam Hj.Abdul Kadir,Norasiken Bakar dan Norhayatee Ismail,2002. *Kualiti Pengurusan Sumber Manusia*. Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Musa Daia, 1992. *Prinsip Am Pendidikan*. Johor Bahru: Badan Book Store Sdn, Bhd.

- Nicholls,S.H dan Nicholls,A, 1987. *Perkembangan Kurikulum Satu Panduan Praktis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (Terjemahan Mohamad Daud Hamzah dan Koh Tsu Koon)
- Noraini Azman dan Mohamed Sani Ibrahim, 2002. *Latihan Sekolah Bestari*. Bil 4. (atas talian) [Http://www.geocities.com/pendidikmy/fokus94.htm](http://www.geocities.com/pendidikmy/fokus94.htm). Dicetak 25.08.2005.
- Norhayati Ramlan, 2004. *Persepsi Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Kursus Dalam Perkhidmatan. Satu Tinjauan di Sekolah-Sekolah di Daerah Beaufort*. Projek Latihan Ilmiah untuk Sarjana Pendidikan. Sabah: UMS
- NSDC, 1997. *Reforming Teaching and Reforming Staff Development : An Interview with Susan Loucks-Horsley*. (atas talian)
[Http:// WWW.nsdc.org/library/publications/jsd/jsd11-97sparks.cfm](http://WWW.nsdc.org/library/publications/jsd/jsd11-97sparks.cfm).
 Dicetak 16.2.2005
- Pekeling Majikan Bil. 5/1996. *Majlis Pembangunan Sumber Manusia*. Bukit Damansara Kuala Lumpur. (atas talian) [Http://www.Pekeling2096.htm](http://www.Pekeling2096.htm). Dicetak 5.1.2005.
- Pink, W.T, 1990. *Staff Development For Urban School Improvement : Lesson Learned From Two Case Studies*. School Effectiveness and School Improvement : An International Journal Of Research, Policy And Practice 1:1 : page: 41-60
- Rashid Mat Yassin, 2005. *Gaya Pengurusan Sekolah Dan Kaitannya Dengan Perlakuan Kerja Guru: Kajian Perbandingan Antara Sekolah Menengah Agama Dengan sekolah Menengah Kebangsaan Di Pantai Barat Sabah*. UMS. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan.
- Ricks,B.R; Ginn, M. L., & Daughtrey, Anne Scott. (1995). *Contemporary Supervision* (2nd ed.).Mcgraw Hill, Inc.
- Rohayah Omar & Siti Jaleha Abu Bakar, 2003. *Keberkesananan Kursus Latihan Dalaman (In-House Training): Satu Kajian Kes di Maktab Persekutuan Pulau Pinang*. (atas talian)
[Http://www/keberkesanankursuslatihandalaman\(inhoustraining\).htm](http://www/keberkesanankursuslatihandalaman(inhoustraining).htm).23.07.2005
- Rosli Hasan, 1992. *Peranan juru latih: Persoalan Dan Harapan*. Jurnal Ilmiah MPG. Keluaran 3. Kota Kinabalu Sabah.
- Saedan Abdul Karim, 2002. *Persepsi Guru Terhadap Program Perkembangan Staf: Tinjauan Di Empat Buah Sekolah Rendah Di Zon Keramat Kuala Lumpur*. UKM: Tesis Master
- Santhi Raghavan,1998. *Peranan dan tanggungjawab guru dalam meningkatkan profesyen perguruan kearah pencapaian pendidikan yang cemerlang*. Kertas kerja projek Sarjana Pendidikan. Bangi : UKM

SEDL, 1994. *Staff Development and Change Process: Cut from the same cloth*. Volume 4, NO 2. SEDL: [Http://www.sedl.org/change/issues/issues42.html](http://www.sedl.org/change/issues/issues42.html).
Dicetak: 28.01.2005.

Sekaran, U. 1992. *Reasearch Method For Bussiness: A Skill Building Approach*. New York: John Willey and Sonnd.Inc.(terjemahan)

Sharifah Alawiyah Alsagoff, 1983. *Ilmu Pendidikan Pedagogi* . Malaysia: Heineman Educational Books (ASIA) LTD.

Tan Ka Yu, 1991. *Ke Arah Peranan Panitia Mata Pelajaran Alam dan Manusia Yang Lebih Berkesan Melalui Latihan Dalaman*. Jurnal ILMIAH Keluaran 2. Kota Kinabalu: Maktab Perguruan Keningau. Hal: 36-46.

Tovey, M.D (1997). *Training in Australia: Design, Delivery, Evaluation, Management*. Australia: Prentice Hall

Truelove, Steve (1995). *The Handbook of Training and Development* (2nd ed.). Blackwell Bussiness.

W. Mohd Rashid W.Ahmad, 2004. *Teacher Recognition and Profesionalism*. Batu Pahat: KuitTHO

Willis,S (2002). *Creating a Knowledge Base*. Educational Leadership: Journal of the Association for Supervision dan Curriculum Development. ASCD Edpress

